

PERANAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA ISLAM NURUL HAKIM UNTUK MEMBANGUNKAN SUMBER MANUSIA MASYARAKAT SEKITAR

THE ROLE OF NURUL HAKIM'S ISLAMIC BOARDING SCHOOLS MANAGEMENT TO DEVELOP THE HUMAN RESOURCES OF THE ENVIRONMENT SOCIETY

Musta'in¹
Ciptro Handrianto²

¹Faculty Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,
(E-mail: mustainselatan13@gmail.com)

²Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia,
(E-mail: handriantociptro@gmail.com)

Article history

Received date : 8-8-2020
Revised date : 9-8-2020
Accepted date : 9-1-2021
Published date : 10-1-2021

To cite this document:

Musta'in & Handrianto, C. (2020). Peranan Pengurusan Sekolah Berasrama Islam Nurul Hakim Untuk Membangunkan Sumber Manusia Masyarakat Sekitar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 3(9), 114-123.

Abstrak: Sekolah berasrama Islam adalah institusi tradisional yang dekat dengan masyarakat, yang keberadaannya memerlukan sokongan penuh dari masyarakat sekitar. Oleh itu, maka perlu bagi sekolah berasrama islam memberikan pembinaan kepada masyarakat sekitar untuk dapat menjalin hubungan yang baik. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui peranan pengurusan sekolah berasrama islam Nurul Hakim untuk membangunkan sumber manusia masyarakat sekitar. Kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif. Kajian ini mendapati dua jenis pembinaan ke arah masyarakat, iaitu pembinaan ke arah masyarakat dalam bidang pengetahuan agama dan pembinaan ke arah masyarakat dalam bidang ekonomi. Kesimpulan daripada kajian ini adalah dua jenis pembinaan yang dilakukan oleh pengurusan sekolah berasrama islam Nurul Hakim tersebut dapat membangunkan sumber manusia dalam kalangan masyarakat.

Kata Kunci: Pengurusan Sekolah Berasrama Islam, Pembinaan Masyarakat dan Membangunkan Sumber Manusia.

Abstract: Islamic boarding schools are traditional institutions close to the community, whose existence requires the full support of the surrounding community. Therefore, it is imperative for Islamic boarding schools to provide the community with the opportunity to build good relationships. The purpose of this study is to find out the role of Nurul Hakim's Islamic boarding school management to develop the human resource of the surrounding community. This study is a case study using a qualitative descriptive approach. This study found two types of community-building, which community-building in the field of religious knowledge and community-building in economics. That it could be concluded that the results of this study are

two types of construction carried out by the management of the Islamic boarding school Nurul Hakim, it can develop human resources in the community.

Keywords: *Management of Islamic Boarding School, Community Building and Human Resources Improvement.*

Pengenalan

Sekolah Berasrama Islam adalah institusi pendidikan Islam tertua yang pada awalnya berfungsi sebagai kubu kuat Islam. Di samping itu, Sekolah Berasrama Islam juga berfungsi sebagai pusat dakwah dan pusat pengembangan masyarakat Islam di Indonesia. Sejarah juga telah membuktikan sumbangan Sekolah Berasrama Islam dalam rangka membantu mendirikan Republik Indonesia. Pada awal gerakan mengisi kemerdekaan hingga masa pembangunan sekarang, peranan Sekolah Berasrama Islam dan ulama terus meningkat, terutama dalam konteks kerjasama ulama dan *umara* untuk menjayakan pembangunan Negara dalam semua bidang mengikut kedudukan masing-masing. Harya Toni (2016) berhujah sekolah berasrama islam ialah institusi peradaban yang tidak terhilakan dan membuat sekolah berasrama islam boleh berperan dalam membangunkan umat bahkan memperjuangkan kemerdekaan indonesia.

Sekolah berasrama Islam pada amnya mempunyai beberapa elemen asas yang merupakan perpaduan yang tidak dapat dipisahkan dan berada di kompleks. Itu sudah menjadi ciri am sekolah berasrama Islam. Moh. Mahfud dan Artamin Hairit (2013) membagi unsur-unsur Sekolah Berasrama Islam menjadi empat unsur, Unsur-unsur ini ialah: (1) Pondok, yang merupakan asrama di mana pelajar tinggal bersama dan belajar di bawah kepimpinan Tuan Guru; (2) Masjid, yang merupakan tempat mendidik dan melatih pelajar; (3) Kajian kitab, yaitu model studi kitab-kitab klasik yang dilakukan dengan beberapa kaedah, seperti musyawarah atau perbincangan; (4) Santri, pelajar yang menuntut ilmu di sekolah berasrama Islam. Rita dan Handrianto (2020) memberikan saranan sebaiknya warden asrama juga menerapkan kaedah pembelajaran yang menyeronokkan dan menimbulkan suasana perpaduan di asrama.

Sekolah Berasrama Islam adalah institusi pendidikan Islam di Indonesia yang lahir di tengah-tengah komuniti agama sebagai hasil transformasi budaya dan nilai-nilai agama. Sekolah berasrama islam juga merupakan warisan yang tidak luntur selama berabad-abad kerana keberadaannya dalam mempertahankan sistem pendidikan dan pengajaran klasik dan moden menjadikannya kukuh di tengah-tengah globalisasi. Iin Setyani (2014) menyatakan tentang peranan sekolah berasrama islam pada masa akan datang ialah ia diharapkan dapat membentuk insan yang beretika baik dan pendakwah yang dapat menyesuaikan diri mereka di tengah-tengah masyarakat dalam era globalisasi dan teknologi. Kedekatan dengan masyarakat memperkuat eksistensi sekolah berasrama islam itu sendiri, karena asas awal pendirian sekolah berasrama islam adalah dari masyarakat, oleh masyarakat dan untuk masyarakat. Harya Toni (2016) Sekolah berasrama islam ialah institusi yang didirikan secara mandiri oleh dan untuk masyarakat. Handrianto (2013) menyatakan bahawa sebagai institusi yang merupakan bahagian daripada masyarakat, sekolah berasrama islam memerlukan pengurusan yang baik. Pengembangan inovasi dan strategi pembelajaran yang menarik sepatutnya juga menjadi perhatian, sehingga pelajar merasa selesa dan termotivasi untuk mengikuti program-program di asrama tersebut.

Untuk meneruskan perjuangan dan cita-cita pengasas Sekolah Berasrama Islam, generasi baru tidak akan terlepas dari visi, misi dan matlamat pendidikan Islam secara umum. Di samping itu, sistem dan komponen yang mesti ada untuk mencapai cita-cita yang diharapkan tidak boleh

ditinggalkan. Seperti kurikulum, pengurusan, sumber manusia, budaya organisasi, dan pembinaan terhadap masyarakat, dalam bidang pengetahuan agama, sosial dan ekonomi. Sejarah mencatatkan bahawa Sekolah Berasrama Islam adalah institusi pendidikan, agama dan masyarakat yang telah lama dikenali sebagai wahana pembangunan masyarakat (community development). Imam Tholkhah dan Ahmad Barizi (2004) pada masa setelah kemerdekaan Indonesia, sekitar tahun 1959-1965, sekolah berasrama islam dimasukkan sebagai bagian dari institusi yang berperan dalam revolusi dan pada era Orde Baru dikelaskan sebagai potensi untuk membangun masyarakat.

Seperti Sekolah Berasrama Islam Nurul Hakim yang merupakan Sekolah Berasrama Islam terbesar di daerah Kediri dan salah satu yang terbesar di province Nusa Tenggara Barat (NTB). Asas awal sekolah berasrama Islam Nurul Hakim adalah keinginan kuat warga Kediri untuk membina institusi peradaban Islam yang dapat membimbing mereka setiap masa ke arah prosedur keagamaan yang baik dan betul. Harya Toni (2016) Sekolah berasrama Islam ialah institusi pendidikan dan dakwah Islam dan difungsikan sebagai institusi masyarakat bagi membangunkan sumber masyarakat. Makna membina masyarakat tidak termasuk menjadi manusia yang baik saja, tetapi boleh berkongsi kebaikan masyarakat lain jika mereka menjadi sebahagian daripada persekitaran sosial sebagai aktiviti dakwah (Harya Toni, 2016). Kajian daripada Handrianto dan Salleh (2019) mendapati bahawa majoriti pelajar bersetuju bahawa persekitaran sosial ikut mempengaruhi keputusan mereka untuk memilih tinggal di asrama.

Oleh itu, perlu bagi sekolah berasrama islam Nurul Hakim mempunyai pengurusan yang kuat, dalam merencanakan, pengelolaan, pengarah dan pengawalan sehingga mencapai matlamat institusi yang Berjaya. Tackney, Chappell, Harris, Pavlovich, Egel, Major and Stoner (2017) menyatakan pengurusan sebagai satu proses untuk merancang, mengelola, mengarah dan mengawal daya usaha ahli-ahli organisasi dan pengurusan sumber-sumber organisasi yang lain untuk mencapai matlamat organisasi yang telah ditentukan. Karena fungsi dari pengurusan sesungguhnya memberdayakan persekitaran dengan bekerjasama untuk merubah masyarakat. Pengurusan juga dapat didefinisikan sebagai proses bekerja dengan dan melalui orang lain untuk mencapai organisasi objektif dalam mengubah persekitaran (Kechot, Shahidi & Aman, 2020; Naharawi & Hamzah, 2020; Shukor, Mustaffa, Hassan, Yusof & Lokman, 2020).

Pernyataan Masalah

Mengikuti perkembangan zaman pasti sekolah asrama Islam mengambil bahagian peranan dalam proses pembangunan untuk mula merapikan dan menyesuaikan diri dengan kemodenan. Di sebuah masyarakat pedesaan, sekolah asrama Islam adalah core (pusat) pendidikan atau ilmu agama dan sains umum. Oleh itu, adalah penting untuk sekolah asrama Islam terlibat secara langsung dalam pembangunan sumber manusia di kawasan luar bandar. Akan tetapi masih banyak dari sekolah berasrama islam menutup diri dari perubahan zaman untuk menyesuaikan diri dengan era moden. Aspek yang perlu disesuaikan dengan pembangunan adalah bahan pendidikan, kaedah dan pengurusan yang diterapkan mestilah sesuai dengan keperluan masyarakat. Selagi ajaran Islam masih sesuai dengan perubahan zaman, program pendidikan sekolah berasrama islam tidak harus meragui tuntutan masyarakat semasa. Akan tetapi, masih banyak daripada sekolah berasrama islam yang menutup diri dari dunia luar dan masyarakat, tidak berinteraksi secara sosial dan melakukan pembinaan selayaknya fungsi daripada sekolah berasrama itu sendiri. Ridwan Abawihda. (2002) adalah perlu bagi sekolah-sekolah yang berteraskan Islam untuk membuka diri kepada semua bentuk perkembangan zaman dan tidak menutup diri sebagai institusi pendidikan tradisional. Oleh itu, yang masih menjadi permasalahan bagi sekolah berasrama islam dalam kegiatannya membina masyarakat: dalam

aspek membina pengetahuan agama dan membina ekonomi masyarakat. Sekolah berasrama islam mesti bersedia menerima perubahan positif/ sesuai dengan keperluan masyarakat dalam bentuk bahan pengajaran, kaedah pendidikan yang dikembangkan dan pengurusan terapan di istitusi sekolah berasrama. Selagi semuanya masih relevan dengan ajaran Islam dan pengajian Islam yang sesuai dengan zaman, pesantren seharusnya tidak ragu untuk menangani secara langsung tuntutan masyarakat, (Ridwan Abawihda, 2002).

Kewajipan berdakwah (pengajaran pengetahuan agama) menjadi tuntutan ke atas setiap individu muslim dan institusi islam. Arus perubahan masyarakat, menggesa para pendakwah menggunakan kaedah yang mampu dicernakan oleh masyarakat dan secara tidak langsung membawa perubahan. Dakwah juga dapat dilaksanakan dengan dialog yang baik sebagaimana Rasulullah ajarkan kepada umatnya (Rouzi, Afifah, Handrianto & Desmita, 2020). Hasani Ghazali (2014) menyatakan Dakwah seharusnya lebih lembut dan tidak membeku dalam bentuk seruan-seruan retorika di atas mimbar sematamata. Sebaiknya, dakwah lebih banyak dikerjakan secara Lisan dengan khidmat amal bakti secara kaedah teladan, dengan sarana dan program konkrit. Dakwah boleh ditingkatkan berupa bentuk penyelesaian masalah (problem solving), penyediaan sarana dan jawapan praktis kepada persoalan-persoalan semasa. Menjadi tugas dari institusi sekolah berasrama islam melalui ulama atau Tuan Guru untuk memberikan pemahaman pengetahuan agama kepada masyarakat dan membina program yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat. Sesungguhnya Tuan Guru ialah memiliki misi membuat umat agar semakin faham pengetahuan agama kepada masyarakat dan membangun generasi penerus sebagai kader ulama. Handrianto dan Rahman (2019) menekankan peranan Tuan Guru dalam mengajar di asrama sebaiknya tidak hanya menggunakan kaedah ceramah tapi juga dapat mengaplikasikan kaedah pembelajaran berasaskan projek untuk mengembangkan pemikiran kritis dan sikap pelajar. Ambary (2001) sekolah berasrama islam adalah institusi untuk membentuk para ulama dan pemikir, dan terus melaksanakan tujuannya agar orang semakin terpelajar dan mematuhi ajaran agama mereka dan memberi dorongan kepada penerus ulama secara prinsip sebagai pengganti para nabi.

Selain pengetahuan agama, masyarakat tentunya memerlukan peningkatan ekonomi untuk melaksanakan keperluan kehidupan seharian. Semua akan dipenuhi sekiranya sekolah berasrama islam menguruskan aspek ekonomi masyarakat. Sekiranya tidak ada perubahan dalam pengurusan bimbingan dalam bidang ekonomi akan sukar untuk mencapai matlamat yang ingin dicapai. Evi Hanifah. (2013) Sekiranya semua elemen organisasi di sekolah berasrama islam boleh berubah secara terbuka seperti aspek budaya, pendekatan dan pengurusan, maka sekolah berasrama boleh menjadi institusi yang membantu meningkatkan sektor ekonomi, budaya dan sosial masyarakat.

Tujuan & Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka Peranan Pengurusan Sekolah Berasrama Islam Nurul Hakim Untuk Membangunkan Sumber Manusia Masyarakat Sekitar Dalam Pengetahuan Agama Dan Perekonomian. Berikut adalah Objektif Kajian:

- a. Mengetahui peranan pengurusan sekolah berasrama islam Nurul Hakim untuk membangunkan sumber manusia dalam pengetahuan agama.
- b. Mengetahui peranan pengurusan sekolah berasrama islam Nurul Hakim dalam pembangunan perekonomian masyarakat sekitar.

Kerangka Teoritikal Kajian

Teori-teori yang berkaitan dengan pembahasan ini meliputi: teori pengurusan dan teori sumber manusia.

Teori Pengurusan

Menurut Afandi (2018) Manajemen adalah bekerja dengan orang-orang untuk mencapai tujuan organisasi dengan pelaksanaan fungsi perencanaan (planning), pengorganisasian (organizing), penyusunan personalia atau kepegawaian (staffing), pengarahan dan kepemimpinan (leading), dan pengawasan (controlling). Manajemen adalah suatu proses khas, yang terdiri dari tindakan perencanaan, pengorganisasian, pergerakan, dan pengendalian yang dilakukan untuk menentukan serta mencapai sasaran-sasaran yang telah ditentukan melalui pemanfaatan sumber daya manusia dan sumber-sumber daya lainnya. Menurut Denyer (1977) dalam kajian Wan Aziz (2014) pengurusan ialah proses mengarah dan mengawal sesuatu institusi yang melibatkan perancangan dan pengarahan terhadap tugas-tugas kakitangan. Pada masa yang sama, ia merupakan kawalan serta arahan kepada empat factor, iaitu manusia, bahan mentah, alatan dan kewangan. Wan Aziz (2014) menyatakan pengurusan sebagai satu proses untuk merancang, mengelola, mengarah dan mengawal daya usaha ahli-ahli organisasi dan pengurusan sumber-sumber organisasi yang lain untuk mencapai matlamat organisasi yang telah ditentukan.

Ikhwan (2017) membahagikan pengurusan institusi sekolah berasrama Islam kepada tiga tahap pengurusan, iaitu: Pengurusan Tinggi, Pengurusan Tengah, dan Pengurusan Rendah. Pengurusan Tinggi adalah pengurusan paling atas, selalunya dipegang oleh tuan-tuan guru yang sudah tua, mempunyai sikap kepemimpinan yang disegani. Pengurusan Menengah dipegang oleh beberapa orang yang dipercayai mempunyai kepemimpinan yang bagus dan bijak dalam membuat keputusan. Pengurusan Rendah diberikan kepada pemimpin kecil yang berinteraksi langsung dengan pelajar-pelajar di asrama. Corak pengurusan ini cukup berkesan dalam menguruskan sekolah berasrama Islam di masa depan. Dalam pelaksanaannya, pengurusan kualiti moden dapat digunakan dan digabungkan dengan pengurusan kualiti khas sekolah asrama Islam. Arifah, Murwatiningsih dan Harlanu (2019) mengatakan bahawa pelaksanaan kepengurusan pada sekolah berasrama islam moden adalah satu idea untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan keseimbangan antara pengetahuan agama dan pengetahuan am pelajar. Oleh itu, kepengurusan tersebut diharapkan menyokong pelajar untuk mempunyai kemahiran dan keseimbangan antara pengetahuan am dengan pengetahuan agama mereka.

Teori Sumber Manusia

Tujuan awal penubuhan Sekolah Asrama Islam Nurul Hakim adalah agar masyarakat Kediri mempunyai forum bimbingan Islam; panduan dalam bentuk mempelajari habluminallah (hubungan dengan Tuhan), muamalah dan habluminannas (hubungan dengan manusia). Sehingga masyarakat bekerjasama dengan pihak pengurusan untuk menubuhkan dan menyokong pembangunan Sekolah Berasrama Islam Nurul Hakim, dengan harapan institusi ini kelak dapat berperanan dalam memupuk masyarakat dengan ketentuan agama Islam. Azlin dan Roselan (2015) menyatakan bahawa daripada sudut ilmu sosiologi, peranan ialah tingkah yang ditunjukkan semasa seseorang itu berinteraksi dengan orang lain. Dalam konteks yang lebih luas, konsep peranan merujuk pada set tingkah laku yang dijangkakan oleh masyarakat terhadap setiap individu dalam masyarakat itu Peranan yang dijangkakan itu lazimnya beasaskan norma dan nilai masyarakat, serta menjadi garis panduan bagaimana seseorang individu itu harus berkelakuan dalam suatu keadaan tertentu.


Konsistensi ini masih terjaga hingga sekarang, hubungan antara sekolah berasrama islam Nurul Hakim dan masyarakat terjaga dengan baik. Bimbingan kepada masyarakat dilakukan setiap malam di surau dan masjid yang terdapat di setiap pelosok kampung. Sekolah berasrama islam Nurul Hakim membina susunan unik untuk panduan kepada masyarakat di dalam dan di luar sekolah berasrama dengan membuat program yang dirancang, disusun, diarahkan dan selalu dipantau oleh institusi, supaya program ini berjalan dengan baik. Menurut Wijayanti (2008) pengurusan adalah proses merancang, mengatur, mengarahkan, dan mengawasi usaha anggota organisasi dan menggunakan sumber manusia organisasi lain untuk mencapai tujuan organisasi yang dinyatakan. Menurut Abdullah (2014) pengurusan adalah keseluruhan aktiviti yang berkaitan dengan menjalankan kerja organisasi melalui fungsi merancang, mengatur, mengarahkan, dan mengendalikan untuk mencapai tujuan organisasi yang telah ditetapkan dengan bantuan sumber organisasi (manusia, wang, bahan, mesin dan kaedah) dengan cekap dan berkesan.

Masyarakat adalah kumpulan individu dan kumpulan yang terikat dengan gabungan bangsa, negara, budaya dan agama. Setiap masyarakat mempunyai tujuan yang direalisasikan melalui peraturan dan sistem tertentu. Di setiap kumpulan atau komuniti ada institusi yang bertanggung jawab atasnya, seperti institusi pemerintah dan institusi swasta. Fungsi institusi ini adalah untuk memastikan bahawa keperluan masyarakat dipenuhi sesuai dengan hak mereka. Handrianto (2017) menyatakan bahawa budaya dan agama tidak sepatutnya saling dipertentangkan, melainkan kedua unsur tersebut dapat mempunyai peranan yang kuat dalam pendidikan masyarakat. Sulaiman Saat (2016) menyebutnya sebagai institusi sosial, yaitu sistem tingkah laku dan hubungan yang berpusat pada aktiviti untuk memenuhi keperluan komponen khas dalam kehidupan masyarakat. Peranan kepengurusan asrama, termasuk warden dan pegawai sangat penting di semua peringkat yang berkisar pada keperluan asas hubungan asrama dengan kehidupan masyarakat, contohnya institusi pendidikan, institusi ekonomi dan sebagainya. Handrianto, Jusoh, Goh, Abdul Rashid dan Rahman (2020) mengemukakan bahawa peranan guru dan warden asrama sangat penting dalam usaha meningkatkan disiplin pelajar dan mencegah mereka terlibat dengan dadah. Oleh itu, terdapat harapan yang tinggi dari masyarakat terhadap sekolah berasrama islam untuk memenuhi keperluan dalam bidang pendidikan, terutama agama dan ekonomi. Dengan memupuk pengetahuan agama yang diberikan oleh institusi ini, sudah tentu diharapkan dapat meningkatkan kehidupan masyarakat ke arah peningkatan dan kesejahteraan.

Metodologi

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian kes dengan menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif, iaitu setiap data yang dikumpulkan bukan nombor angka-angka tetapi dalam bentuk kata, rekod dan foto. Bogdan & Taylor (2012) mengatakan bahawa kajian kualitatif merupakan kajian yang menghasilkan data seperti kata-kata lisan dari orang, tulisan dan tingkah laku yang dapat diperhatikan. Kegiatan analisis data dalam kajian deskriptif kualitatif dimulai dari tahap: (1) reduksi data, yaitu memilah data yang sesuai dengan fokus peneliti; (2) display data, yaitu hasil dari reduksi yang disusun secara terstruktur; dan (3) verifikasi data, yakni mengecek data yang diperoleh dari lapangan untuk mencapai kesimpulan yang kuat (Pertiwi, 2019).

Dapatan Kajian dan Perbincangan



Rajah 1: Pengurusan Sekolah Berasrama Islam Nurul Hakim

Dalam rajah 1 dapat dilihat bahawa pengurusan sekolah asrama Islam Nurul Hakim membina masyarakat dalam dua bidang, iaitu pendidikan dan ekonomi. Bidang pendidikan yang diajarkan di surau dan masjid menekankan dua aspek yang diperlukan oleh manusia untuk hidup di dunia dan kehidupan abadi di akhirat. “...Kedua, dari Nurul Hakim kemudian melakukan pembinaan kehidupan keagamaan kepada masyarakat sekitar melalui majelis ta’lim-majelis ta’lim, ada 30 an (tiga puluhan) majelis ta’lim yang diasuh oleh pimpinan pondok pesantren Nurul Hakim...”. Pertama, penyediaan kehidupan di dunia berkaitan dengan hubungan dengan sesama manusia (habluminnas), bagaimana berinteraksi secara sosial dalam rumah tangga, persekitaran masyarakat dan dunia pekerjaan. Dan kedua, penyediaan kehidupan di akhirat adalah berkaitan dengan hubungan antara dunia dan Tuhannya, bagaimana beribadah dan berdoa kepada Penciptanya, sehingga apa yang selalu dilakukan adalah ibadah.

“...Mengajarkan masyarakat, agar segala-galanya di dasari atas dasar ilmu, bertani di dasari atas dasar ilmu, berekonomi di dasari atas dasar ilmu,

bermuamalah di tengah-tengah masyarakat juga atas dasar ilmu, beribadah pun harus atas dasar ilmu...”

Oleh itu, bidang ekonomi juga berkaitan dengan hubungan antara manusia. Semua yang dibincangkan dalam kajian pengetahuan saling berkaitan antara satu sama lain. Dalam bidang ekonomi, misalnya, pengetahuan yang diberikan oleh Tuan Guru berkaitan dengan cara berniaga secara jujur, tidak menyinggung perasaan orang lain dan saling menguntungkan. Pembinaan yang dijalankan oleh Sekolah Berasrama Islam Nurul Hakim adalah pembinaan jangka panjang. Masyarakat diberi latihan ekonomi dalam bentuk cara membuat makanan ringan, konveksi dan lain-lain. “...kita akan tumbuhkan jiwa kreatifitas dalam berproduksi ya. Taruhlah umpamanya ya, masyarakat sudah memiliki home industri ya, home industri...” Setelah diberi latihan dalam produksi barang, institusi membuka jalan pengedaran di dalam lingkungan sekolah berasrama, masyarakat diberi ruang untuk menjual hasilnya kepada pelajar dan kakitangan institusi.

“...Antara lain lembaga-lembaga yang terkait dengan pembinaan ekonomi masyarakat, ada pusat-pusat penjualan di dalam pondok, di mana masyarakat bisa menyiapkan hasil produksi mereka untuk dipasarkan di tengah-tengah kehidupan para santri...”

Institusi juga membuka peluang untuk membuka perniagaan seluas mungkin kepada masyarakat dengan menghubungkan komuniti dengan pengguna yang datang dari luar sekolah berasrama. “...kerjasama dengan pemerintah agar masyarakat yang sudah bergerak punya produksi, umpamanya jajan ya, itu bisa kemudian layak untuk dibawa keluar baik dalam pengertian keluar lingkup masyarakat sekitar pondok ataupun bahkan keluar daerah...”

Kesimpulan, Implikasi dan Cadangan

Dalam kajian ini yang bertajuk Peranan Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh Nurul Hakim Untuk Membangunkan Sumber Manusia Masyarakat Sekitar dapat disimpulkan secara umum kajian ini membincangkan dua jenis pembinaan ke arah masyarakat, iaitu pembinaan ke arah masyarakat dalam bidang pengetahuan agama dan bidang ekonomi. Bahawa dapat disimpulkan dengan dua jenis bimbingan yang dilakukan oleh pengurusan sekolah berasrama penuh dalam konteks pendidikan, ia dapat membangunkan sumber manusia dalam kalangan masyarakat.

Hasil dari kajian ini dapat memberi input kepada Kementerian Agama Republik Indonesia, Institusi Sekolah Berasrama Islam lainnya dan masyarakat secara umum dalam mengenal pasti isu yang melibatkan pengurusan sekolah berasrama islam terhadap masyarakat sekitar. Usaha untuk memberi gambaran kepada institusi sekolah berasrama islam agar dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dalam penumbuhan sumber manusia. Hal ini dicadangkan agar pengurusan sekolah berasrama islam lain dapat lebih memberi perhatian daripada penumbuhan sumber manusia masyarakat sekitar agar kedua pihak dapat mendapatkan manfaat.

Dapatan ini mengesahkan kajian terdahulu dan andaian terhadap peranan pengurusan sekolah berasrama islam. Walaubagaimanapun, masih terdapat kajian lanjutan yang perlu dilakukan. Kajian ini dijalankan di sekolah berasrama penuh islam Nurul Hakim sekolah swasta di daerah Kediri, Lombok Barat. Maka, hasil kajian hanya dapat digeneralisasikan di sekolah di daerah berkenaan sahaja. Oleh itu, cadangan kajian lanjutan dilakukan ke atas semua sekolah berasrama islam di semua daerah supaya dapatan kajian dapat digeneralisasikan bagi

keseluruhan sekolah di Kediri, Lombok Barat. Dapatan kajian ini diperkuatkan dengan pemerhatian, temubual dan dokumentasi sebagai pendekatan triangulasi.

Rujukan

- Abdullah, M. (2014) *Manajemen dan Evaluasi Kinerja Karyawan*. Yogyakarta: Penerbit Aswaja Pressindo.
- Afandi, P. (2018). *Manajemen Sumber Daya Manusia (Teori, Konsep dan Indikator)*. Riau: Zanafa Publishing.
- Arifah, M., Murwatiningsih, M., & Harlanu, M. (2019). Boarding School Management on Students' Character Building in An-Nawawiyah Islamic Junior High School Rembang. *Educational Management*, 8(2), 209-213.
- Azhar Arsyad. (2002) *Pokok-Pokok Manajemen*. (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002).
- Azlin N. M & Roselan. B. (2015). *Amalan Pengurusan Pengetua*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Bogdan & Taylor. (2012) *Prosedur Penelitian*. (him. 4). Jakarta: Rineka Cipta.
- Evi Hanifah. (2013) *Manajemen Pondok Pesantren (Pola Manajemen Pondok Pesantren Tradisional)*. dalam <https://hanivie.wordpress.com/2013/05/18/manajemen-pondok-pesantren-pola-manajemen-pondok-pesantren-tradisional/>
- Hafid Hardoyo. (2011) Kurikulum Tersembunyi Pondok Modern Darussalam Gontor. dalam *jurnal At-Ta'dib*, vol. 4. No. 2, (Ponorogo: Fakultas Tarbiyah ISID, 2011), p. 191.
- Handrianto, C. (2013). Penerapan Pendekatan Interaktif oleh Tutor dalam Pembelajaran Paket C Pada Kelompok Binaan Sakti Kota Padang. *Spektrum: Jurnal Pendidikan Luar Sekolah (PLS)*, 1(2), 35-47.
- Handrianto, C., Jusoh, A. J., Goh, P. S. C., Abdul Rashid, N., Rahman, M. A. (2020). The Role of Teachers in Drug Abuse Prevention in Schools. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 10(11), 708-716.
- Handrianto, C., & Rahman, M. A. (2019). Project Based Learning: A Review of Literature on Its Outcomes and Implementation Issues. *LET: Linguistics, Literature and English Teaching Journal*, 8(2), 110-129.
- Handrianto, C., & Salleh, S. M. (2019). The Environmental Factors that Affect Students from Outside Java Island to Choose Yogyakarta's Bimbel. *International Journal of Environmental and Ecology Research*, 1(1), 27-32.
- Handrianto, C. (2017). The Roles of Matrilineal System Towards Integrating Religious and Cultural Values in Minangkabau Community. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 5(3), 373.386.
- Hasani binti Ghazali. (2014) *Komunikasi dakwah pensyarah pendidikan islam terhadap pelajar di politeknik sultan salahuddin abdul aziz shah, shah alam, selangor*. Jabatan dakwah dan pembangunan insan akademi, pengajian islam universiti Malaya.
- Harya Toni. (2016) *Pesantren Sebagai Potensi Pengembangan Dakwah Islam*. *Jurnal Dakwah dan Komunikasi*. STAIN Curup: E-ISSN: 2548-3366 / P-ISSN: 2548-3293.
- Hasan Muarif Ambary. (2001) *Menemukan Peradaban: Jejak Arkeologis dan Histori Islam Indonesia*. Jakarta: logos. hlm. 319.
- Iin Setyani. (2014) *Analisi Kebijakan Pendidikan Pondok Pesantren Putri Al-Badi'iyah Kajen-Margoyoso-Pati Tahun Ajaran 2013/2014 Dalam Menjaga Tradisi Dan Menyikapi Modernisasi Pendidikan*.
- Ikhwan, A. (2017). Development of Quality Management Islamic Education In Islamic Boarding School (Case Study Madrasah Aliyah Ash Sholihin). *Al-Hayat: Journal of Islamic Education*, 1(1), 91-117.

- Imam Tholkah & Ahmad Barizi. (2004) Membuka Jendela Pendidikan Mengurai Akar Tradisi dan Integrasi Keilmuan Pendidikan Islam, hlm. 50.
- Kechot, A. S., Shahidi, A., & Aman, R. (2020). Komunikasi dalam Organisasi dan Kesan terhadap Staf: Satu Kajian Kes di Istana Budaya, Kuala Lumpur. *Jurnal Melayu*, 644-662.
- Lexy J Maleong. (2002) Metodologi Penelitian Kualitatif. Yogyakarta: *Pustaka Pelajar*.
- M. Amin Haedari. (2006) Transformasi pesantren: pengembangan aspek pendidikan, keagamaan, dan sosial. (op. cit., h. 14-15.).
- Moh. Mahfud & Artamin Hairit. (2017). Pondok Pesantren Masa Depan (Studi Pola Manajemen PP. Nahdlatun Nasyiin Bungbaruh Kadur Pamekasan. *Journal, Fikrotuna*.
- Naharawi, K., & Hamzah, M. I. B. H. M. (2020). Kesiapan Pentadbir Terhadap Amalan Mengurus Perubahan Dalam Organisasi Sekolah. In (*Webinar*) *Seminar Nasional Pendidikan 2020* (Vol. 1, No. 1, pp. 295-304).
- Pertiwi, A. K. (2019). Upaya Meningkatkan Mutu Pendidikan Sekolah: Studi Deskriptif Kualitatif. *Ilmu Pendidikan: Jurnal Kajian Teori dan Praktik Kependidikan*, 4(1), 1-4.
- Ridwan Abawihda. (2002) Kurikulum Pendidikan Pesantren dan Tantangan Perubahan Global. Yogyakarta: *Pustaka Pelajar*.
- Rita, Y., & Handrianto, C. (2020) Strategi Pembelajaran Kooperatif Tipe Jigsaw dalam Penerapan Nilai-Nilai Kato Nan Ampek Pada Program Paket C. *Jurnal Pendidikan Dan Pemberdayaan Masyarakat (JPPM)*, 7(1), 1-14.
- Rouzi, K. S., Afifah, N., Handrianto, C., & Desmita, D. (2020). Establishing an Islamic Learning Habituation Through the Prophets' Parenting Styles in the New Normal Era. *International Journal of Islamic Educational Psychology*, 1(2), 101-111.
- Shukor, M. F. A., Mustaffa, F., Hassan, M. S., Yusof, N., & Lokman, T. M. W. (2020). Pengaruh Sikap Terhadap Penerimaan terhadap Pasukan Kerja di Kolej Universiti Islam Melaka. *Jurnal Sains Sosial@ Malaysian Journal of Social Sciences*, 5(1), 78-86.
- Sulaiman Saat. (2016) Agama sebagai Institusi (Lembaga) Sosial (Kajian Sosiologi Agama). *Jurnal Volume V, Nomor 2, Juli - Desember 2016*.
- Tackney, C. T., Chappell, S., Harris, D., Pavlovich, K., Egel, E., Major, R. & Stoner, J. (2017). Management, Spirituality, and Religion (MSR) Ways and Means: A Paper to Encourage Quality Research. *Journal of Management, Spirituality & Religion*, 14(3), 245-254.
- Wijayanti & Irine Diana Sari. (2008) Manajemen. (Jogjakarta: *Mitra Cendikia Press*, 2008).